



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepc>



TEKNIK BER CERITA DAN PENGARUHNYA TERHADAP  
KEMAHIRAN BERBAHASA MELAYU MURID  
SEKOLAH RENDAH: KERTAS KONSEP

*THE IMPACT OF STORYTELLING TECHNIQUES ON MALAY LANGUAGE  
PROFICIENCY AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS: A CONCEPTUAL  
PAPER*

Lok Jia Yi<sup>1\*</sup>, Muhammad Syawal Amran<sup>2</sup>, Shahlan Surat<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 [p144968@siswa.ukm.edu.my](mailto:p144968@siswa.ukm.edu.my)

 <https://orcid.org/0009-0005-9103-4496>

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 [syawal@ukm.edu.my](mailto:syawal@ukm.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0001-6308-8757>

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 [drshahlan@ukm.edu.my](mailto:drshahlan@ukm.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-0597-4934>

\*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 26.01.2026

Revised date: 26.02.2026

Accepted date: 22.03.2026

Published date: 31.03.2026

**To cite this document:**

Lok, J. Y., Amran, M. S., & Surat, S. (2026). Teknik Ber cerita Dan Pengaruhnya Terhadap Kemahiran Berbahasa Melayu Murid Sekolah Rendah: Kertas Konsep. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(62), 1632-1644.

**Abstrak:**

Kemahiran berbahasa Melayu merupakan asas penting dalam perkembangan akademik dan sosial murid sekolah rendah. Namun demikian, sebahagian murid didapati masih menghadapi kesukaran dalam membina ayat yang gramatis, menggunakan kosa kata yang sesuai, serta menyampaikan idea secara lisan dengan yakin. Sehubungan itu, artikel ini merupakan sebuah kertas konsep yang bertujuan mencadangkan pelaksanaan teknik bercerita sebagai intervensi pedagogi yang berpotensi besar dalam meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Konsep ini dibina berlandaskan integrasi Teori Sosiokonstruktivisme Vygotsky, Teori Naratif Bruner, dan Teori Motivasi Kendiri bagi menyokong kerangka Program “Mari Bercerita!”. Melalui pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan serta penggunaan bahan visual yang interaktif, modul ini direka untuk menarik minat murid secara holistik. Pelaksanaan teknik ini dilihat amat bersesuaian dengan sistem kelas bersaiz kecil yang membolehkan bimbingan berfokus diberikan oleh guru, selain sejajar dengan keperluan penilaian tahap penguasaan semasa seperti Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA). Secara keseluruhannya, kertas konsep ini

merumuskan bahawa teknik bercerita ialah inovasi pengajaran yang praktikal dan berupaya membina keyakinan bertutur serta penguasaan linguistik murid dalam suasana pembelajaran berpusatkan murid pada abad ke-21.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.1162096

**Kata Kunci:**

Kemahiran Berbahasa, Kertas Konsep, Pembelajaran Berpusatkan Murid, Pendidikan Sekolah Rendah, Teknik Bercerita.

**Abstract:**

Malay language proficiency is a fundamental pillar in the academic and social development of primary school students. However, some students still face difficulties in constructing grammatical sentences, using appropriate vocabulary, and conveying ideas orally with confidence. Accordingly, this article is a concept paper that aims to propose the implementation of storytelling techniques as a pedagogical intervention with significant potential to enhance students' language skills. This concept is built upon the integration of Vygotsky's Socio-constructivist Theory, Bruner's Narrative Theory, and Self-Determination Theory to support the framework of the "Mari Bercerita!" programme. Through fun teaching approaches and the use of interactive visual materials, this module is designed to holistically capture students' interest. The implementation of this technique is viewed as highly suitable for small class systems that allow for focused teacher guidance, while aligning with current proficiency assessment requirements such as the Final Academic Session Test (UASA). Overall, this concept paper concludes that storytelling is a practical teaching innovation capable of building speaking confidence and linguistic mastery among students in a 21st-century student-centered learning environment.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijepec@gaexcellence.com](mailto:ijepec@gaexcellence.com)

**Keyword:**

Concept Paper, Language Proficiency, Primary School Education, Storytelling Technique, Student-Centered Learning.

**Pengenalan**

Kemahiran berbahasa merujuk kepada keupayaan individu untuk memahami dan menggunakan bahasa secara berkesan dalam pelbagai konteks komunikasi, sama ada secara lisan mahupun tulisan. Dalam konteks pendidikan sekolah rendah di Malaysia, kemahiran berbahasa Melayu merangkumi empat komponen utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, yang saling berkait dan berkembang secara bersepadu (Kementerian

Pendidikan Malaysia, 2017). Penguasaan kemahiran berbahasa yang baik membolehkan murid menyampaikan idea dengan jelas, memahami maklumat pembelajaran serta berinteraksi secara berkesan dalam persekitaran sosial dan akademik.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu menegaskan bahawa kemahiran berbahasa bukan sekadar penguasaan struktur linguistik seperti tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga melibatkan keupayaan murid menggunakan bahasa secara fungsional, bermakna dan sesuai dengan konteks komunikasi. Oleh itu, kemahiran bertutur dan menulis dilihat sebagai manifestasi utama penguasaan bahasa murid, kerana kedua-dua kemahiran ini menuntut murid mengaplikasikan pengetahuan bahasa secara aktif dan kreatif.

Dalam kajian ini, kemahiran berbahasa ditakrifkan sebagai keupayaan murid menggunakan Bahasa Melayu secara lisan dan tulisan, khususnya dalam aspek bertutur dan penulisan. Kemahiran bertutur merangkumi kejelasan sebutan, penggunaan intonasi yang sesuai, keberanian berkomunikasi serta keupayaan menyusun idea secara lisan, manakala kemahiran menulis melibatkan keupayaan membina ayat yang gramatis, menggunakan kosa kata yang sesuai dan menyusun idea secara koheren dalam bentuk penulisan. Penekanan terhadap kedua-dua aspek ini selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam komunikasi serta mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

Penguasaan kemahiran berbahasa yang lemah boleh menjejaskan pencapaian akademik murid serta membentuk sikap negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru, usaha meningkatkan kemahiran berbahasa murid perlu dilaksanakan melalui pendekatan pedagogi yang menyokong penggunaan bahasa secara aktif dan bermakna. Sehubungan itu, teknik bercerita dipilih dalam kajian ini sebagai pendekatan intervensi yang berpotensi memperkasa kemahiran berbahasa murid secara menyeluruh, merangkumi aspek linguistik dan afektif.

Kemahiran berbahasa Melayu merupakan asas penting dalam pembangunan akademik, sosial dan emosi murid sekolah rendah. Penguasaan bahasa yang baik membolehkan murid berkomunikasi secara berkesan, memahami kandungan pembelajaran serta membina keyakinan diri dalam interaksi sosial. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa kebangsaan, malah menjadi medium utama pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah. Oleh itu, penguasaan kemahiran berbahasa Melayu yang mantap merupakan prasyarat penting bagi memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran secara berkesan dan menyeluruh.

Walau bagaimanapun, pelbagai kajian terdahulu melaporkan bahawa sebahagian murid sekolah rendah masih menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran berbahasa, khususnya dalam aspek pembinaan ayat yang gramatis, penggunaan kosa kata yang sesuai serta keupayaan menyampaikan idea secara lisan dengan yakin (Abdullah & Mohamad, 2020; Nordin & Salbiah, 2019; Wahab & Yasin, 2018). Keadaan ini menyebabkan murid kurang berani untuk bertutur di hadapan rakan sebaya dan cenderung untuk bersikap pasif semasa aktiviti pembelajaran bahasa dijalankan. Kekurangan penguasaan bahasa pada peringkat awal ini berpotensi memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik murid pada peringkat seterusnya.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah ini ialah pendekatan pengajaran Bahasa Melayu yang masih berorientasikan guru dan terlalu menekankan aspek hafalan serta latihan bertulis, sekali gus menghadkan peluang murid untuk menggunakan bahasa secara aktif

dalam situasi pembelajaran yang bermakna (Ahmad et al., 2020). Aktiviti lisan seperti penceritaan, perbincangan dan lakonan sering kali kurang diberikan penekanan, menyebabkan murid tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengembangkan kemahiran bertutur dan membina keyakinan diri dalam berbahasa.

Sehubungan itu, teknik bercerita dilihat sebagai satu pendekatan pedagogi yang berpotensi untuk meningkatkan kemahiran berbahasa murid secara holistik. Penceritaan menyediakan konteks pembelajaran yang bermakna, membolehkan murid menggabungkan penggunaan kosa kata, struktur ayat, intonasi dan ekspresi secara serentak. Selain itu, aktiviti bercerita turut menggalakkan penglibatan aktif murid serta mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan menyenangkan. Dari perspektif psikologi pendidikan, teknik bercerita selari dengan teori sosiokonstruktivisme Vygotsky yang menekankan peranan interaksi sosial dalam pembelajaran bahasa, teori naratif Bruner yang melihat naratif sebagai asas pembinaan makna, serta Teori Motivasi Kendiri oleh Deci dan Ryan yang menekankan kepentingan autonomi dan penglibatan murid dalam pembelajaran.

Berdasarkan permasalahan dan potensi pendekatan tersebut, kajian tindakan ini dilaksanakan untuk menilai keberkesanan teknik bercerita melalui Program “Mari Bercerita!” dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah, merangkumi aspek linguistik dan afektif. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah serta menyediakan bukti empirikal tentang keberkesanan teknik bercerita sebagai strategi pedagogi yang menyokong pembelajaran berpusatkan murid. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan teknik bercerita dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah, khususnya dari segi penguasaan bahasa dan aspek afektif murid.

## **Sorotan Literatur**

Terdapat lima perkara utama yang akan dibincangkan dalam sorotan literatur ini berhubung dengan kemahiran berbahasa dan teknik bercerita.

### ***Definisi Kemahiran Berbahasa***

Kemahiran berbahasa merupakan elemen asas dalam pendidikan sekolah rendah kerana bahasa berfungsi sebagai medium utama penyampaian ilmu, alat komunikasi serta asas kepada perkembangan kognitif dan sosial murid. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penguasaan Bahasa Melayu menjadi keutamaan kerana bahasa ini digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan. Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah, kemahiran berbahasa merangkumi keupayaan mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang perlu dikuasai secara bersepadu bagi membolehkan murid berkomunikasi dengan berkesan.

### ***Isu Penguasaan Kemahiran Berbahasa***

Pelbagai kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan, terutamanya dalam aspek bertutur dan penulisan. Sebahagian murid menghadapi kesukaran membina ayat yang gramatis dan menggunakan kosa kata yang sesuai dalam penulisan karangan. Murid juga cenderung menghasilkan ayat yang pendek, tidak kohesif dan kurang tersusun dari segi idea.

Kekurangan penguasaan kosa kata ini menyebabkan murid sukar menyampaikan idea secara jelas, yang seterusnya menjejaskan kefahaman pembaca dan pencapaian akademik murid.

### ***Masalah Kemahiran Bertutur***

Selain aspek penulisan, kelemahan dalam kemahiran bertutur juga dikenal pasti sebagai isu yang signifikan dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Ramai murid kurang yakin untuk bertutur di hadapan rakan sebaya kerana bimbang melakukan kesalahan bahasa dan menerima reaksi negatif daripada rakan. Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap perkembangan linguistik, malah turut mempengaruhi aspek afektif seperti keyakinan diri dan motivasi intrinsik.

### ***Kelemahan Pendekatan Pedagogi Sedia Ada***

Beberapa penyelidik menegaskan bahawa pendekatan pengajaran Bahasa Melayu yang menekankan latihan bertulis dan hafalan struktur bahasa semata-mata adalah kurang berkesan dalam membangunkan kemahiran berbahasa murid secara menyeluruh. Pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan kurang memberi ruang kepada aktiviti lisan didapati menyumbang kepada sikap pasif murid serta tahap penglibatan yang rendah. Murid amat memerlukan pendekatan pembelajaran yang menyediakan konteks penggunaan bahasa yang bermakna serta menggalakkan interaksi sosial dan penglibatan aktif.

### ***Keberkesanan Teknik Bercerita***

Teknik bercerita dikenal pasti sebagai pendekatan pedagogi yang berpotensi meningkatkan kemahiran berbahasa secara holistik kerana ia membolehkan murid mengintegrasikan kemahiran mendengar, bertutur dan berfikir secara serentak. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penceritaan dapat meningkatkan kefasihan bertutur, penguasaan kosa kata, serta keupayaan menyusun idea secara logik. Dari aspek afektif, teknik bercerita juga meningkatkan motivasi intrinsik, keseronokan belajar, serta keyakinan dan keberanian murid untuk bertutur. Keberkesanan ini selari dengan teori sosiokonstruktivisme Vygotsky mengenai interaksi sosial, teori naratif Bruner berkenaan pembinaan makna, dan Teori Motivasi Kendiri oleh Deci dan Ryan berkaitan autonomi murid.

### ***Kesimpulan***

Kajian ini membuktikan bahawa teknik bercerita melalui Program “Mari Bercerita!” merupakan pendekatan pedagogi yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah. Intervensi yang dilaksanakan telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam aspek linguistik seperti penggunaan kosa kata, pembinaan struktur ayat yang lebih gramatis dan kejelasan koherensi naratif. Di samping itu, peningkatan yang positif turut direkodkan dalam aspek afektif murid, termasuk keyakinan diri, motivasi intrinsik serta keberanian untuk bertutur di hadapan rakan sebaya. Dapatan ini amat selari dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 yang memberikan penekanan terhadap pembangunan kemahiran komunikasi, pembelajaran berpusatkan murid serta penglibatan aktif murid di dalam proses pembelajaran. Secara keseluruhannya, teknik bercerita ini bukan sahaja menyokong perkembangan bahasa secara praktikal, malah berupaya membentuk pengalaman pembelajaran yang jauh lebih bermakna.

## ***Cadangan Rangka Kerja***

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tindakan berasaskan model yang dikemukakan oleh Kemmis dan McTaggart (1988). Pemilihan reka bentuk kajian tindakan adalah selaras dengan tujuan kajian yang bertujuan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah secara sistematik dan reflektif. Kajian tindakan membolehkan pengkaji mengenal pasti permasalahan sebenar dalam konteks pengajaran, melaksanakan intervensi yang bersesuaian serta menilai keberkesanan intervensi tersebut melalui proses refleksi berterusan.

Model Kemmis dan McTaggart (1988) melibatkan empat fasa utama iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Dalam kajian ini, keempat-empat fasa tersebut dilaksanakan secara berurutan dan saling berkait bagi memastikan intervensi yang dijalankan benar-benar menyasarkan permasalahan kajian serta menyumbang kepada penambahbaikan amalan pengajaran Bahasa Melayu.

Pada fasa perancangan, pengkaji mengenal pasti masalah penguasaan kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 4 berdasarkan pemerhatian awal, analisis hasil kerja murid serta refleksi pengajaran sedia ada. Antara masalah yang dikenal pasti ialah kelemahan murid dalam penggunaan kosa kata, pembinaan ayat yang gramatis serta keyakinan untuk bertutur di hadapan rakan sebaya. Berdasarkan permasalahan tersebut, pengkaji merancang satu intervensi berasaskan teknik bercerita yang dinamakan Program “Mari Bercerita!”. Perancangan intervensi meliputi penyediaan bahan penceritaan, pemilihan tema cerita yang bersesuaian dengan tahap murid, perancangan aktiviti penceritaan secara berperingkat serta penyediaan instrumen pengumpulan data seperti senarai semak pemerhatian dan refleksi murid.

Program intervensi yang dijalankan dalam kajian tindakan ini dinamakan “Mari Bercerita!”, iaitu satu bentuk aktiviti pengajaran berasaskan teknik bercerita yang mengintegrasikan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) serta prinsip psikologi pendidikan. Program ini direka bentuk secara sistematik untuk meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran lisan, memperkaya kosa kata serta membina keyakinan diri dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Intervensi ini dilaksanakan mengikut empat fasa utama model Kemmis dan McTaggart (1988), iaitu perancangan, pelaksanaan tindakan, pemerhatian, dan refleksi.

### ***Fasa 1: Perancangan***

Dalam fasa ini, guru mengenal pasti masalah penguasaan bahasa yang dihadapi oleh murid melalui pentaksiran awal. Berdasarkan dapatan tersebut, guru merancang pelaksanaan program “Mari Bercerita!” yang merangkumi lima aktiviti utama iaitu: penceritaan model oleh guru, susunan cerita bergambar, main peranan, penceritaan individu dan refleksi. Bahan bantu mengajar seperti kad gambar, boneka, dan rubrik penilaian turut disediakan untuk menyokong pelaksanaan.

### ***Fasa 2: Pelaksanaan Tindakan***

Aktiviti penceritaan dilaksanakan dalam lima langkah berikut:

### ***Langkah 1: Penceritaan Model oleh Guru***

Guru memulakan sesi dengan menyampaikan cerita pendek yang menggunakan pelbagai ekspresi muka, intonasi suara yang dinamik, serta bantuan visual seperti boneka, kad gambar, dan papan cerita. Pendekatan ini bukan sahaja menarik perhatian murid, tetapi juga menyediakan model bahasa yang betul dan pelbagai. Murid digalakkan untuk meneka watak, peristiwa, dan nilai yang terkandung dalam cerita tersebut.



**Rajah 1: Boneka Yang Akan Digunakan Oleh Guru.**

### ***Langkah 2: Menyusun Cerita Bergambar Secara Kumpulan***

Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diberikan satu set kad cerita bergambar. Mereka bekerjasama menyusun urutan cerita secara logik dan membincangkan naratif berdasarkan gambar. Aktiviti ini meningkatkan komunikasi rakan sebaya, pemikiran kritis dan kerjasama sosial.



**Rajah 2: Bahan-Bahan Bercerita.**

### ***Langkah 3: Main Peranan Berdasarkan Cerita Rangsangan***

Setiap kumpulan memilih watak dalam cerita dan membina dialog mereka sendiri. Murid mempersembahkan cerita tersebut dalam bentuk lakonan ringkas di pentas. Aktiviti ini membina keberanian bercakap di khalayak, menguatkan daya ingatan, serta memberi peluang mempraktikkan intonasi dan ekspresi.



**Rajah 3: Kostum Yang Akan Dipakai Oleh Murid.**

### ***Langkah 4: Pembinaan Skrip dan Penceritaan Individu***

Murid membina cerita pendek mereka sendiri berdasarkan gambar atau kata kunci. Mereka menyampaikan cerita secara individu di hadapan rakan. Guru memberi maklum balas berkaitan bahasa, sebutan dan kreativiti. Aktiviti ini meningkatkan autonomi murid dalam pembelajaran, sejajar dengan Teori Motivasi Kendiri oleh Deci dan Ryan (2000).



**Rajah 4: Book Creator Digunakan Oleh Murid Untuk Membuat E-Buku.**

### ***Langkah 5: Refleksi dan Ganjaran***

Guru melaksanakan sesi refleksi sendiri dan kumpulan. Murid akan berkongsi pengalaman, perasaan, dan apa yang mereka pelajari. Refleksi dilakukan secara lisan atau bertulis. Ganjaran seperti pujian dan hadiah diberikan sebagai pengiktirafan dan dorongan. Aktiviti ini memupuk metakognisi dan motivasi intrinsik.



**Rajah 5: Ganjaran Yang Akan Diberikan Kepada Murid.**

Secara keseluruhannya, penggunaan reka bentuk kajian tindakan berasaskan model Kemmis dan McTaggart membolehkan pengkaji melaksanakan intervensi secara sistematik, reflektif dan kontekstual selaras dengan keperluan sebenar pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah sekolah rendah.

### **Perbincangan**

Perbincangan ini bertujuan menghuraikan jangkaan hasil dengan mengaitkannya kepada teori pendidikan serta kajian-kajian lepas yang berkaitan bagi menjelaskan keberkesanan teknik bercerita dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah. Perbincangan difokuskan kepada aspek linguistik dan afektif murid selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Antara jangkaan hasil ialah peningkatan yang ketara dalam kemahiran linguistik murid, khususnya dari segi penggunaan kosa kata, pembinaan ayat yang lebih gramatis serta kejelasan susunan naratif selepas pelaksanaan Program “Mari Bercerita!”. Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad et al. (2020), Abdullah dan Mohamad (2020) serta Rahman dan Zainal (2021) yang mendapati bahawa pendekatan pengajaran berasaskan naratif dapat membantu murid mengembangkan kosa kata dan meningkatkan keupayaan menyusun idea dalam penulisan. Kajian oleh Zamri et al. (2021) turut menyatakan bahawa aktiviti penceritaan menyediakan konteks penggunaan bahasa yang bermakna, sekali gus menyokong perkembangan struktur ayat dan koherensi teks murid.

Dari perspektif teori sosiokonstruktivisme, peningkatan kemahiran berbahasa murid dapat dijelaskan melalui pandangan Vygotsky (1978) yang menegaskan bahawa pembelajaran bahasa berlaku secara optimum melalui interaksi sosial dan sokongan berperingkat (scaffolding).

Melalui kajian ini, interaksi antara murid dan guru serta rakan sebaya semasa aktiviti penceritaan telah menyediakan ruang pembelajaran yang menyokong perkembangan bahasa dalam Zon Perkembangan Proksimal. Dapatan ini konsisten dengan kajian Li dan Seedhouse (2021) serta Sun et al. (2020) yang melaporkan bahawa aktiviti berasaskan interaksi sosial menyumbang kepada peningkatan kecekapan bahasa murid.

Selain itu, aktiviti penceritaan individu dan main peranan berpotensi meningkatkan keupayaan murid menyampaikan cerita secara lisan dengan lebih yakin dan tersusun. Keupayaan murid menggunakan intonasi, ekspresi muka dan gaya penceritaan yang lebih berkesan menyokong pandangan Bruner (1991) yang menekankan peranan naratif sebagai asas kepada pembinaan makna dan struktur pemikiran. Kajian oleh Wright (2010) serta Ellis dan Brewster (2014) turut mengesahkan bahawa penceritaan membantu murid memahami struktur cerita serta meningkatkan kefasihan bertutur dalam pembelajaran bahasa.

Dari aspek afektif, penggunaan teknik bercerita dijangka dapat membantu murid meningkatkan keyakinan diri, motivasi intrinsik dan keberanian murid untuk bertutur di hadapan rakan sebaya. Dapatan ini selari dengan kajian Ismail et al. (2020) dan Nikolov dan Djigunović (2019) yang mendapati bahawa penglibatan murid dalam aktiviti lisan yang bermakna dapat meningkatkan motivasi dan sikap positif terhadap pembelajaran bahasa. Dalam konteks kajian ini, peluang yang diberikan kepada murid untuk mencipta dan menyampaikan cerita sendiri telah meningkatkan rasa autonomi dan kompetensi murid.

Dapatan ini turut menyokong Teori Motivasi Kendiri oleh Deci dan Ryan (2000) yang menekankan kepentingan autonomi, kompetensi dan keterhubungan dalam pembelajaran. Aktiviti penceritaan memberi kebebasan kepada murid untuk memilih jalan cerita dan gaya penyampaian, sekali gus meningkatkan motivasi intrinsik dan keterlibatan aktif dalam pembelajaran. Kajian oleh Al-Awidi dan Ismail (2022) serta Cameron (2018) turut melaporkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan naratif dapat menggalakkan penglibatan emosi murid dan mengurangkan kebimbangan dalam pembelajaran bahasa.

Selain itu, teknik bercerita membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan menyokong. Dapatan ini selari dengan kajian Wahab dan Yasin (2018) serta Abdullah et al. (2019) yang menyatakan bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan murid dapat meningkatkan keterlibatan dan keyakinan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Murid yang sebelum ini pasif didapati lebih berani untuk mengambil bahagian secara aktif apabila diberikan ruang yang selamat dan menyokong untuk mengekspresikan idea.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa teknik bercerita merupakan satu pendekatan pedagogi yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah dari aspek linguistik dan afektif. Dapatan kajian ini bukan sahaja menyokong teori dan kajian lepas, malah mengukuhkan kepentingan pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid dalam pendidikan Bahasa Melayu.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kertas konsep ini merumuskan bahawa teknik bercerita melalui Program “Mari Bercerita!” merupakan pendekatan pedagogi yang berpotensi besar dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah. Cadangan intervensi ini direka untuk menyokong peningkatan aspek linguistik murid, khususnya dalam penggunaan

kosa kata, pembinaan struktur ayat yang gramatis, serta kejelasan koherensi naratif. Di samping itu, pengaplikasian teknik ini dijangka dapat memberikan impak positif terhadap aspek afektif murid, termasuk meningkatkan keyakinan diri, motivasi intrinsik, serta keberanian untuk bertutur di hadapan rakan sebaya.

Kerangka konseptual bagi Program “Mari Bercerita!” ini dibina berasaskan sokongan padu teori sosiokonstruktivisme Vygotsky yang menekankan interaksi sosial, teori naratif Bruner yang melihat penceritaan sebagai asas pembinaan makna, serta Teori Motivasi Kendiri oleh Deci dan Ryan yang mementingkan autonomi murid dalam pembelajaran. Penyelarasan modul ini dengan kerangka teori tersebut menunjukkan bahawa teknik bercerita bukan sahaja mampu menyokong perkembangan bahasa secara praktikal, malah berupaya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan berpusatkan murid.

Implikasi daripada kertas konsep ini diharapkan dapat memberikan dimensi baharu terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dengan menonjolkan potensi teknik bercerita sebagai strategi pengajaran yang mampan. Pendekatan ini adalah sangat selari dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembangunan kemahiran komunikasi serta penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran secara holistik

---

<b>Penghargaan:</b>	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
<b>Penyataan Pembiayaan:</b>	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd di bawah Nombor Geran GAE/IJEPC2026/2134. Sekiranya tiada pembiayaan, sila nyatakan: Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
<b>Pernyataan Konflik Kepentingan:</b>	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)
<b>Pernyataan Etika:</b>	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
<b>Pernyataan Sumbangan Penulis:</b>	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Lok Jia Yi bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Muhammad Syawal Amran mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Shahlan Surat menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

---

## Rujukan

- Abdullah, M., & Mohamad, A. (2020). Penguasaan kemahiran berbahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 45–56.
- Abdullah, R., Ismail, N., & Hassan, S. (2019). Pendekatan pengajaran berpusatkan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 23–34.
- Ahmad, N., Rahim, R., & Hashim, S. (2020). Keberkesanan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Linguistik*, 8(1), 12–25.
- Al-Awidi, H., & Ismail, S. A. (2022). The impact of storytelling on students' motivation and engagement in language learning. *International Journal of Instruction*, 15(2), 341–356.
- Bruner, J. S. (1991). The narrative construction of reality. *Critical Inquiry*, 18(1), 1–21.
- Cameron, L. (2018). *Teaching languages to young learners* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54–67.
- Ellis, G., & Brewster, J. (2014). *Tell it again! The storytelling handbook for primary English language teachers*. British Council.
- Gidor, M., & Abu Bakar, K. (2023). Kajian tindakan dalam bilik darjah: Pendekatan reflektif terhadap penambahbaikan amalan pengajaran. *Jurnal Pendidikan Guru*, 39(2), 77–90.
- Ismail, M., Ahmad, R., & Ali, S. (2020). Pengaruh aktiviti lisan terhadap motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Psikologi Pendidikan Malaysia*, 6(1), 66–78.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Li, Y., & Seedhouse, P. (2021). Classroom interaction and language development: A sociocultural perspective. *Language Teaching Research*, 25(3), 431–448.
- Nikolov, M., & Djiginović, J. M. (2019). Motivation and affect in young language learners. *The Language Learning Journal*, 47(2), 159–173.
- Nordin, N., & Salbiah, S. (2019). Masalah kemahiran bertutur murid sekolah rendah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33–44.
- Rahman, H., & Zainal, Z. (2021). Penguasaan kosa kata dan kemahiran menulis karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 89–101.
- Sun, Z., Steinkrauss, R., Wieling, M., & De Bot, K. (2020). Individual differences in oral proficiency development: The role of interaction. *Applied Linguistics*, 41(4), 593–615.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wahab, A., & Yasin, M. (2018). Penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu: Isu dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Guru*, 34(1), 55–67.
- Wright, A. (2010). *Storytelling with children* (2nd ed.). Oxford University Press.
- Zamri, M., Hamzah, M., & Yusof, N. (2021). Pendekatan naratif dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Melayu*, 11(1), 14–28.